



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2021/2022

- NAMA KURSUS : TEKNOLOGI PENDIDIKAN
- KOD KURSUS : BBD 20202
- KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
- TARIKH PEPERIKSAAN : JANUARI / FEBRUARI 2022
- JANGKA MASA : 2 JAM
- ARAHAN : 1. JAWAB SEMUA SOALAN..
2. PEPERIKSAAN AKHIR INI ADALAH PENTAKSIRAN SECARA DALAM TALIAN DAN DILAKSANAKAN TUTUP BUKU.

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH SATU (21) MUKA SURAT

SULIT

BBD 20202

S1 Apakah jenis kaedah penggambaran fotografi yang ditunjukkan seperti dalam **Rajah S1**?



Rajah S1

- A. *selfie shooting*
 - B. *vertical shooting*
 - C. *horizontal shooting*
 - D. *photography shooting*
- S2** Yang manakah antara berikut TIDAK menggambarkan istilah *compression* dalam fotografi?
- A. *Compression* adalah proses memampatkan fail gambar untuk mengurang saiz.
 - B. Proses *compression* akan menyebabkan perubahan kecerahan gambar.
 - C. *Compression* ke format JPEG akan mengurangkan kualiti gambar.
 - D. Selain JPEG, TIFF dan RAW juga adalah format fail *compression*.
- S3** En Jaafar merupakan juru foto rasmi UTHM. Beliau dikehendaki untuk membuat penggambaran foto untuk Majlis Serahan Alat Peranti kepada pelajar B40 yang diadakan pada jam 2.30 petang di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Untuk mendapatkan tahap kepekaan sensor kepada cahaya yang baik semasa mengambil gambar, beliau perlu menetapkan tahap ISO pada kamera DSLR seperti
- A. 400 (*fast*)
 - B. 100 - 200 (*medium*)
 - C. 1600 (*ultra-fast*)
 - D. 3200 – 6400 (*supersonic*)

SULIT

TERBUKA

SULIT

BBD 20202

- S4 Berdasarkan Rajah S4, pilih ISO yang sesuai digunakan bagi menghasilkan gambar yang baik.



Rajah S4


- A. 100
B. 400
C. 800
D. 1600
- S5 Yang manakah antara pernyataan berikut BUKAN menerangkan tentang format sensor DSLR *Full frame*?
- A. Lensa yang sesuai untuk kamera yang menggunakan sensor APS-c.
B. Sudut pandangan lensa sama dengan sudut pandangan kamera.
C. Ia menggunakan sensor bersaiz filem 35mm.
D. Contoh DSLR full frame adalah Nikon D3.
- S6 Apakah kesan menggunakan *Portrait Mode* semasa mengambil gambar wajah seseorang?
- A. Menyebabkan warna gambar kelihatan lebih menarik.
B. Menyebabkan saturation dan contrast meningkat.
C. Memastikan warna kulit se asli yang mungkin.
D. Menambahkan kecerahan wajah.

TERBUKA

SULIT

BBD 20202

- S7 Proses merakam audio memerlukan proses yang teliti agar kualiti audio yang dihasilkan berada pada tahap yang baik. Pilih pernyataan yang betul tentang kaedah untuk mendapat kualiti audio yang baik
- I studio rakaman digunakan untuk merakam audio
 - II mikrofon *boya by-mm1* digunakan untuk merakam bunyi ke bentuk digital
 - III proses editing menggunakan perisian *sound forge* digunakan untuk membuang bunyi bising
 - IV audio jenis pita kaset digunakan untuk storan
- A. I, III dan IV sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II, II dan IV
- S8 Pernyataan berikut menyatakan maklumat tentang amplitud dalam gelombang audio kecuali
- A. amplitud dan frekuensi merupakan faktor yang penting dalam gelombang audio
 - B. semakin tinggi puncak gelombang audio, semakin tinggi bunyi yang dikeluarkan
 - C. pitch merupakan jarak antara gelombang audio
 - D. puncak amplitud mewakili *volume audio*
- S9 **Rajah S9** menunjukkan satu litar gelombang audio. Jelaskan nama jenis gelombang tersebut



Rajah S9

- A. audio
- B. gelombang analog digital
- C. pengubah analog digital
- D. frekuensi analog digital

SULIT

BBD 20202

S10 Anda dikehendaki menghasilkan audio yang boleh digunakan di pelbagai platform dengan menggunakan pemain yang sesuai. Pilih fail audio yang sesuai digunakan.

- A. .aif
- B. .mp3
- C. .au
- D. .mov

S11 **Rajah S11** menunjukkan sebuah mikrofon yang diperbuat dari *piezoelectric crystal* yang disambungkan diafram. Apakah jenis mikrofon tersebut?



Rajah S11

- A. Mikrofon kapasitor
- B. Mikrofon kondenser
- C. Mikrofon hablur
- D. Mikrofon magnet

TERBUKA

SULIT

BBD 20202

S12 Yang manakah antara berikut merupakan perisian audio biasa?

- A. Sound Forge
- B. Windows Sound Recorder
- C. Adobe Audition
- D. Gold Wave

S13 Rakaman dokumentari mengenai pengurusan pelajar semasa situasi COVID-19 di UTHM telah dibuat oleh pihak *Motion Picture Malaysia*. Semasa sesi rakaman temu bual bersama seorang pelajar, wartawan tersebut telah menggunakan tripod untuk menggerakkan kamera video secara zoom in dan perlahan-lahan zoom out muka pelajar yang ditemubual. Apakah jenis pergerakan kamera yang digunakan oleh wartawan tersebut?

- A. *Panning*
- B. *Tilting*
- C. *Dilly*
- D. *Dollying*

S14 Pernyataan yang mana menjelaskan mengenai perspektif gambaran subjektif dalam sesuatu penggambaran

- A. Pihak Astro Awani telah membuat rakaman berita tentang situasi COVID-19 di pusat kurantin arena di Sabah
- B. Video pra-montaj perasmian minggu transformasi mahasiswa yang melibatkan rakaman proses seorang pelajar B40 untuk mendaftar di UTHM.
- C. Dokumentari kesan COVID-19 di UTHM
- D. Temu bual pelajar yang telah sembuh dari jangkitan COVID-19

S15 Semasa proses pembikinan video pra-montaj MTM semester 2 sesi 2020/2021, satu shot rakaman yang memberi fokus kepada bag yang lusuh pelajar B40 semasa perjalanan ke UTHM. Apakah jenis Shot yang digunakan untuk membuat rakaman ini?

- A. *Long shot*
- B. *Close-up shot*
- C. *Medium shot*
- D. *Extreme close up shot*

SULIT

BBD 20202

S16 Nyatakan jenis shot yang digunakan untuk **Rajah S16**



Rajah S16

- A. *Long shot*
- B. *Close-up shot*
- C. *Medium shot*
- D. *Extreme close up shot*

S17 Apakah kedudukan kamera yang digambarkan dalam Rajah S17?



Rajah S17

- A. *Normal shooting*
- B. *High-angle shooting*
- C. *Low-angle shooting*
- D. *Moderate angle shooting*

TERBUKA

SULIT

BBD 20202

- S18** Anda berhasrat untuk membeli video kamera untuk kegunaan peribadi. Pertimbangan utama dalam pembelian video kamera tersebut adalah kos. Manakah antara berikut jenis kamera yang sesuai dibeli?
- A. *Handy cam*
 - B. Kamera studio
 - C. *Digital beta cam*
 - D. *3D Camcoder*
- S19** Tujuan utama teknologi pengajaran dalam bilik darjah adalah untuk
- A. pembelajaran yang berkesan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.
 - B. penyampaian yang menyeluruh terhadap sesuatu topik dengan masa yang lebih singkat.
 - C. mengurangkan masa setiap sesi pembelajaran.
 - D. tumpuan yang lebih fokus kepada pelajar yang kurang berupaya.
- S20** Teknologi Pengajaran memberi peluang kepada pembelajaran kolaboratif kerana
- I perolehan maklumat secara cepat.
 - II pelajar dapat melanjutkan perbincangan di luar waktu kelas.
 - III pelajar mempunyai waktu yang lebih banyak untuk berkomunikasi dengan guru.
 - IV pembelajaran lebih menuju kepada berpusatkan pelajar.
- A. I, II dan III sahaja
 - B. II, III dan IV sahaja
 - C. I dan III sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S21** Semasa menggunakan teknologi pengajaran, seseorang guru perlu merekabentuk perkara berikut kecuali,
- A. sikap pelajar
 - B. maklumat yang ingin dikongsikan
 - C. strategi pengajaran yang akan diguna
 - D. keperluan kemudahan



SULIT

BBD 20202


S22 Cikgu Siti sedang menerangkan maksud “Teknologi” kepada pelajar dan memberi contoh-contoh yang berkaitan, mengikut definisi terkini Teknologi Pengajaran, Cikgu Siti sedang melakukan proses,

- A. pemindahan
- B. pembelajaran
- C. pengajaran
- D. penilaian formatif

S23 Pilih kenyataan yang kurang tepat.

- A. Teknologi Pengajaran adalah proses menggunakan teknologi untuk pembelajaran.
- B. Teknologi Pendidikan adalah prosedur penggunaan teknologi pengajaran.
- C. Teknologi Pendidikan adalah proses yang melibatkan idea, prosedur, alat, manusia dan organisasi untuk menganalisis permasalahan, mencari penyelesaian dan penilaian.
- D. Teknologi Pengajaran berfokuskan kepada pencarian penyelesaian untuk membantu pengajar supaya mereka lebih menggunakan teori dan amalan terkini.

S24 Apakah yang dirujuk oleh bulatan X dan Y dalam **Rajah S24**?



Rajah S24

- A. *field of academic qualification*
- B. *field of interest*
- C. *field of references*
- D. *field of marriage status*

SULIT

BBD 20202

- S25** Memahami teori pembelajaran amat penting untuk pereka bahan pengajaran kerana
- A. ianya memberi pemahaman ciri-ciri setiap komponen multimedia.
 - B. ianya memberi pemahaman konsep asas rekabentuk pengajaran.
 - C. ianya memberi pemahaman mengenai bagaimana manusia belajar.
 - D. ianya memberi pemahaman mengenai penekanan proses rekabentuk.
- S26** Model ARCS merujuk kepada
- A. *Attention, Relevance, Confidence, Satisfaction*
 - B. *Attraction, Relation, Communication, Selection*
 - C. *Accommodation, Reservation, Communication, Satisfaction*
 - D. *Arrangement, Relocation, Composition, Satisfaction*
- S27** Sekiranya seseorang pereka bahan instruksi menggunakan Model ADDIE untuk rekabentuk instruksinya, akan memulakan dengan,
- I menganalisis pelajar
 - II mengukur dan menilai pra syarat pelajar
 - III menganalisis persekitaran pembelajaran
 - IV menganalisis matlamat pengajaran.
- A. I, III, IV
 - B. II, III, IV
 - C. I, II, III
 - D. I, II, III, IV
- S28** Dalam pemilihan alat bantu mengajar yang sesuai untuk sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran, perkara berikut adalah diantara kriteria yang perlu dipertimbangkan kecuali
- A. Alat Bantu Mengajar yang dipilih boleh membantau guru dan pelajar untuk mencapai objektif masing-masing.
 - B. Alat Bantu Mengajar yang akan dipilih mesti disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Kurikulum subjek berkenaan.
 - C. Alat Bantu Mengajar yang akan dipilih tidak memerlukan perbelanjaan yang terlampau tinggi dan dapat disediakan dalam jangkamasa yang berpatutan.
 - D. Alat Bantu Mengajar yang akan dipilih senang dikendali dan dibawa kemana-mana yang diperlukan.

SULIT

BBD 20202

- S29** Mengikuti kefahaman prinsip pembelajaran Thorndike, ciri-ciri pembelajaran berikut dikenalpasti,
- I pembelajaran memerlukan sesi praktikal
 - II pemindahan pembelajaran berlaku disebabkan pengalaman
 - III kepintaran seseorang adalah bergantung kepada kekerapan melakukan sesuatu.
 - IV pembelajaran akan berlaku untuk manusia yang mempunyai otak kiri yang lebih matang.
- A. I, II dan III sahaja
 - B. II, III dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S30** Keberkesanan sesuatu Alat Bantu Mengajar yang dipilih terletak pada beberapa kualiti seperti, *accessibility*, *usability*, *visibility* dan *interactivity*. "*Interactivity*" merujuk kepada
- A. boleh dilihat oleh semua pelajar dan guru dan memudahkan proses navigasi.
 - B. tahap kebolegunaan alat bantu mengajar yang digunakan mestilah tinggi untuk guru dan pelajar.
 - C. alat bantu mengajar yang diguna mesti mudah disimpan dan dikendalikan waktu keperluan.
 - D. alat bantu mengajar yang digunakan mudah untuk menggalakkan penglibatan pelajar.
- S31** Model pengajaran Dick & Carey adalah
- A. model pengajaran yang berorientasikan sistem
 - B. model pengajaran yang berorientasikan produk
 - C. model pengajaran yang berorientasikan bilik darjah
 - D. model pengajaran yang berorientasikan guru
- S32** Dalam kelas Teknologi Pendidikan, Encik Tan sedang memberi satu situasi di mana seseorang guru telah merancang dan menyediakan bahan pengajarannya dalam *PowerPoint*, tetapi menghadapi gangguan bekalan elektrik terputus dan Encik Tan meminta pelajar untuk berbincang dan menyelesaikan gangguan tersebut. Encik Tan sedang menggunakan strategi pengajaran
- A. pemusatan pelajar
 - B. pemusatan guru
 - C. pemusatan bahan
 - D. pemusatan subjek

SULIT

BBD 20202

S33 Rajah S33 menunjukkan peringkat pembelajaran Gagne yang tidak tersusun. Susunkan Langkah-langkah tersebut mengikut urutan yang betul.

Langkah	Peringkat
1	Generalisasi
2	Dapatkan perhatian pelajar
3	Persembahkan rangsangan
4	Penghasilan tindakbalas
5	Pemberian maklumbalas
6	Memperoleh Kembali pembelajaran lampau
7	Penilaian pencapaian
8	Pemberitahuan objektif pembelajaran kepada pelajar
9	Membekalkan panduan kepada pelajar

- A. 2, 8, 6, 3, 9, 4, 5, 7, 1
- B. 9, 8, 7, 6, 5, 4, 2, 3, 1
- C. 2, 7, 8, 3, 9, 4, 5, 6, 1
- D. 3, 1, 4, 8, 6, 9, 5, 7, 2

S34 Alat X mempunyai ciri-ciri berikut:

- Mempunyai ciri-ciri interaktif
- Memaparkan imej dari monitor komputer
- Menggunakan jari atau pen khas yang dibekalkan

Apakah alat X yang digambarkan dalam pernyataan ciri-ciri di atas?

- A. Papan Elektronik
- B. Papan Flanel
- C. Papan Flip
- D. Papan Magnetik



SULIT

BBD 20202

S35 Antara pernyataan berikut, pernyataan manakah yang boleh dikaitkan dengan objek 3-Dimensi (3D)?

- I Objek 3D mempunyai dimensi lebar, dalam dan tinggi
- II Objek 3D memberikan pengalaman sebenar kepada pelajar
- III Relia awet merupakan salah satu contoh objek 3D
- IV Objek 3D yang besar sukar untuk dijaga

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. II, III dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

S36 Objek Y mempunyai ciri-ciri berikut:

- Boleh dihasilkan sama ada menggunakan menggunakan tangan atau digital
- Memaparkan maklumat penting dalam bentuk yang ringkas dan padat
- Dihasilkan dalam bentuk warna-warni
- Sinonim dengan penganjuran sesuatu peristiwa

Apakah objek Y yang sesuai dengan ciri-ciri yang dinyatakan di atas

- A. Kad imbas
- B. Poster
- C. Lukisan
- D. Model

S37 Apakah kelebihan menggunakan bahan visual bukan tayangan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran?

- A. Boleh didapati dengan kos yang rendah
- B. Memerlukan ruangan storan yang banyak
- C. Boleh digunakan ketika ketiadaan elektrik
- D. Boleh digunakan pada tahap instruksi yang berbeza

S38 Cikgu Ali ingin merancang sesi pengajaran tentang situasi penempatan pada zaman Paleolitik bagi subjek Sejarah. Beliau ingin menggambarkan keadaan penempatan yang sebenar kepada pelajar tentang kehidupan zaman Paleolitik. Antara pendekatan berikut, pendekatan manakah yang paling SESUAI dengan situasi Cikgu Ali?

- A. Main peranan
- B. Model
- C. Diorama
- D. Simulasi

SULIT

BBD 20202

S39 Pilih pernyataan yang BENAR tentang objek yang ditunjukkan dalam **Rajah S39**.



Rajah S39

- I Bahan pembelajaran boleh disediakan lebih awal
- II Bahan pembelajaran dipantulkan melalui cermin projeksi
- III Memerlukan kepingan transparensi
- IV Pengguna memerlukan pengetahuan teknikal yang tinggi

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. II, III dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV


S40 Antara berikut, pernyataan yang manakah merupakan padanan yang BETUL tentang jenis projektor?

A.	Projektor Lutsinar	Untuk mendapatkan imej yang lebih jelas, laraskan <i>Lens Focus Ring</i>
B.	Projektor Legap	Hanya boleh tayangkan imej dalam skala hitam putih
C.	Projektor LCD	Penerangan boleh dijalankan secara sendiri atau suara telah dirakamkan selaras dengan tayangan.
D.	Projektor Slaid	Dikenali sebagai episkop

SULIT

BBD 20202

S41 Pilih pernyataan yang BENAR tentang elemen X dalam **Rajah S41**.



Rajah S41

- I Memberi penekanan kepada informasi yang penting
 - II Carta dan lukisan juga termasuk dalam elemen X
 - III Saiz fail yang digunakan adalah lebih kecil berbanding video
 - IV Penyampaian bersama elemen teks menjadikan pengajaran lebih berkesan
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

S42 Pilih takrifan yang TEPAT tentang multimedia

- A. Kombinasi dua atau lebih media dalam proses penyampaian sesuatu maklumat
- B. Medium atau alat-alat yang digunakan untuk tujuan berkomunikasi
- C. Proses komunikasi interaktif berasaskan penggunaan teknologi komputer yang merangkumi penggunaan media audio visual seperti, teks, grafik, audio, video dan animasi
- D. Elemen multimedia seperti teks, audio, grafik, video dan animasi

S43 Berikut merupakan kebaikan projector slaid, KECUALI

- A. Program dapat diperbaharui tanpa melibatkan pertukaran besar
- B. Urutan slai boleh diatur mengikut keperluan
- C. Masa untuk mempamerkan slaid dapat dikawal sepenuhnya oleh guru
- D. Sesuai untuk topik pengajaran yang memerlukan penglihatan yang bergerak

SULIT

BBD 20202

S44 Manakah antara berikut bukan ciri-ciri pembelajaran melalui web ?

- A. faktor ruang dan sempadan yang tiada batasan
- B. kawalan pengguna yang terhad
- C. sumber maklumat yang tidak terbatas
- D. persekitaran pembelajaran secara dalam talian

S45 Persekitaran pembelajaran melalui web adalah merupakan capaian ke atas maklumat dalam bentuk teks, grafik dan animasi, audio dan video dirangkaikan dalam pelbagai bentuk pautan. Apakah pendekatan pembelajaran melalui web yang digunakan?

- A. *Hypertext*
- B. *Hyperlink*
- C. *Hypermedia*
- D. *Hypergraphic*

S46 Antara kenyataan berikut yang manakah yang benar mengenai penggunaan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran?

- I Internet memudahkan akses pembelajaran bila-bila masa dan di mana-mana sahaja
- II Komunikasi secara sinkronus seperti penggunaan sidang video membolehkan interaksi pada masa sebenar berlaku
- III Komunikasi secara asinkronus tidak dapat dilakukan melalui pembelajaran menerusi penggunaan Internet
- IV Penggunaan *Learning Management System (LMS)* seperti Google Classroom membolehkan komunikasi secara sinkronus dan asinkronus dilakukan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

S47 Antara berikut yang manakah merupakan kelemahan penggunaan tele sidang video (*video conferencing*) dalam pengajaran dan pembelajaran?

- A. Meningkatkan kos perjalanan dan masa
- B. Meningkatkan kos penggunaan peralatan dan perisian
- C. Mengurangkan komunikasi secara dua hala antara pengajar dan pelajar
- D. Mengurangkan produktiviti dan mutu pengajaran dan pembelajaran

SULIT



SULIT

BBD 20202

S48 Antara berikut yang manakah tepat menerangkan urutan teknologi sidang video berfungsi?

- I Perisian sidang video akan memampatkan video ke dalam bentuk digital
- II Kamera video digital akan menangkap visual dan mikrofon akan merakam audio
- III Perisian sidang video akan mentafsirkan kelajuan dan menentukan bingkai sesaat yang akan dihantar pergi dan balik
- IV Modem akan menukarkan isyarat digital kepada isyarat analog supaya boleh disiarkan kepada pengguna

- A. I, II, III dan IV
- B. I, III, II dan IV
- C. II, III, IV dan I
- D. II, I, IV dan III

S49 Brown (1997) mencadangkan ciri-ciri yang perlu ada dalam model persekitaran pembelajaran melalui web, antaranya adalah:

- I Pembelajaran kolaboratif
- II Menggalakkan komuniti secara global
- III Peranan guru kurang berbanding pelajar
- IV Hiperteks digunakan dalam persembahan dalam pengajaran dan pembelajaran

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

S50 Pernyataan yang manakah tidak menjelaskan kelebihan penggunaan komputer dalam pengajaran?

- A Kurang pemantauan daripada guru dalam pembelajaran menjadikan maklumat yang diperoleh oleh pelajar berlebihan
- B Tindak balas peribadi yang cepat dalam kegiatan pembelajaran pelajar akan menghasilkan penguasaan yang tinggi
- C Cara pembelajaran baru dalam penggunaan komputer dapat membangkitkan motivasi kepada pelajar dalam pembelajaran
- D Warna, grafik animasi dan audio dapat menambahkan kesan realistik dalam latihan, kegiatan amali dan simulasi dalam pembelajaran

SULIT



SULIT

BBD 20202

S51 Perisian Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) mempunyai kekurangannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara kekurangannya ialah

- I PBK melibatkan elemen interaktiviti yang tinggi
- II pembinaan PBK memerlukan kepakaran dan kos yang tinggi
- III aktiviti yang sangat menyeronokkan menghalang fokus pembelajaran
- IV perubahan teknologi yang pantas menyebabkan PBK ketinggalan dan kandungannya kurang dikemaskini

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

S52 Manakah antara berikut menerangkan ciri-ciri komputer generasi kelima?

- I lebih kuat, utuh dan padat
- II berkemampuan seperti manusia
- III lebih canggih, murah dan pantas
- IV boleh melaksanakan tugas secara serentak

- A. I, II dan III
- B. I, III dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

S53 Penggunaan komputer dalam pendidikan yang membolehkan guru boleh berhubung dengan pelajar melalui rangkaian dikenali sebagai

- A. *Computer Managed Instruction (CMI)*
- B. *Computer Mediated Communication (CMC)*
- C. *Computer Assist Instruction (CAI)*
- D. *Computer Based Multimedia (CBM)*

SULIT

BBD 20202

S54 Antara pernyataan berikut yang manakah benar mengenai pengajaran diuruskan komputer *Computer Managed Instruction*?

- I Komputer membantu guru menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran
 - II Komputer digunakan untuk mengurus penyimpanan rekod-rekod kemajuan pelajar
 - III Komputer digunakan membantu pengurusan dalam pengajaran dan pembelajaran
 - IV Komputer membantu interaksi antara pelajar guru dan bahan-bahan sumber pendidikan
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S55 Pilih susunan yang benar sejarah komputer mengikut generasi penggunaan komponen elektroniknya

- I litar bersepadu
 - II Transistor
 - III Tiub Hampa gas
 - IV pemproses mikro
-
- A. I, II, III dan IV
 - B. II, I, III dan IV
 - C. III, IV, I dan II
 - D. III, II, I dan IV

SULIT

BBD 20202

S56 Apakah dua faktor utama untuk menentukan saiz paparan di layar skrin yang paling sesuai adalah

- I Saiz potensi paparan tersebut.
- II Bilangan pelajar dalam kelas,
- III Jenama projektor
- IV Jarak diantara pelajar dengan skrin layer.
- V Kemampuan guru untuk mengendalikan projektor.

- A. I dan II sahaja
- B. III dan IV sahaja
- C. I dan V sahaja
- D. I dan IV sahaja

S57 Semasa pemasangan kemudahan pandang dengar untuk sebuah bilik tayangan, peraturan 4/6/8 digunakan kerana

- A. Ianya menentukan saiz skrin layar yang diperlukan berdasarkan saiz bilik yang sedia ada dan tujuan paparan.
- B. Ianya menentukan bilangan pelajar yang akan menduduki di barisan pertama, kedua dan ketiga.
- C. Ianya menentukan pemandangan pelajar yang paling lemah di barisan empat, enam dan lapan.
- D. Ianya menentukan bilangan baris kerusi yang boleh dimuatkan dalam sesuatu bilik tayangan.

SULIT

BBD 20202

S58 Perkara berikut perlu disemak untuk memilih bilik tayangan yang sesuai.

- I Kemampuan untuk menempatkan semua pelajar dengan sudut pandangan yang jelas .
 - II Bilik yang tidak terhindari kedengaran bunyi luar supaya situasi kecemasan dapat dikesan.
 - III Perlu dipasang alat penghawa dingin yang sesuai untuk saiz bilik.
 - IV Kemudahan pandang dengar yang sedia ada sesuai dengan pencapaian objektif pembelajaran.
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

S59 Cikgu Tan sedang menggunakan bilik darjah yang dilengkapi papan tulis, papan kenyataan, easel flipchart, LCD dan computer. Cikgu Tan ingin menayangkan bahan dalam perisian PowerPoint dan menulis maklumat tambahan semasa tayangan. Strategi yang paling sesuai digunakan pada masa itu adalah,

- A. Tuliskan maklumat tambahan pada kertas A4 dan edarkan kepada pelajar bergilir-gilir.
- B. Tuliskan maklumat tambahan dengan saiz tulisan yang besar dan tunjukkan di hadapan kelas.
- C. Tayangkan bahan pada papan tulis yang latar belakangnya putih, kemudian tulis maklumat tambahan di ruang kosong papan tulis.
- D. Sebut berulang maklumat tambahan tersebut dan meminta pelajar catit di dalam nota mereka.

S60 Di dalam model ASSURE, huruf "S" yang kedua merujuk kepada

- A. menyatakan objektif rekabentuk instruksi
- B. memilih kaedah, saluran dan bahan untuk rekabentuk instruksi.
- C. membentuk kumpulan untuk rekabentuk instruksi.
- D. mengenalpasti persekitaran pengajaran dan pembelajaran.